



NOTIS DAN KETERANGAN MENGENAI MAJLIS KONVOKESYEN KE-48 (PRASISWAZAH) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK

1. Maklumat Majlis Konvokesyen UPM Ke-48

Tarikh : 02 - 03 November 2024
Hari : Sabtu dan Ahad
Tempat : Dewan Sri Kenyalang, UPM Sarawak
Sidang : Satu (1)
Hari/Sesi : Sabtu (Sesi1)
Ahad (Sesi 2)

2. Susunan Graduan Mengikut Program dan Sesi

Sesi 1 (02 Nov 2024 / Sabtu / Pagi)	Sesi 2 (03 Nov 2024 / Ahad / Pagi)
1. Ph.D 2. Master 3. Bacelor Sains Bioindustri Dengan Kepujian 4. Bacelor Sains Pembangunan Manusia Dengan Pengurusan (Kepujian) 5. Diploma Perhutanan 6. Diploma Kesihatan Haiwan Dan Peternakan 7. Diploma Pembangunan Manusia 8. Diploma Sains Komputer	1. Ph.D 2. Master 3. Bacelor Sains Akuakultur Dengan Kepujian 4. Bacelor Sains Perhutanan Dengan Kepujian 5. Diploma Pertanian 6. Diploma Perikanan 7. Diploma Pengurusan Perladangan Makanan 8. Diploma Kejuruteraan Teknologi Pertanian 9. Diploma Perniagaantani

3. Kehadiran Graduan

- 3.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen UPM, Ijazah dan Diploma hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir pada sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat, boleh dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Ijazah atau Diploma dikurniakan tanpa hadir.
- 3.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 3.3 Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakili kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

- 3.4 Graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-48 dikehendaki menyertai **Whatsapp Group** rasmi Majlis Konvokesyen Ke-48 (Sidang 1) untuk menerima hebahan maklumat, video 'Convocation Ceremony at UPM: Guide for Graduands' dan video 'Tatacara Pemakaian Jubah Akademik UPM' dan pemakluman terkini. Sila imbas QR kod atau pautan terus seperti di bawah;



<https://bit.ly/konvo48UPMSarawak>

4. Yuran Graduan

- 4.1 **Yuran graduan sebanyak RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) adalah diwajibkan kepada semua graduan (sepenuh masa/separuh masa, PJJ/eksekutif) sama ada graduan akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau sebaliknya.
- 4.2 **Yuran hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya dua (2) hari bekerja** sebelum mengemaskini maklumat di e-SMP (My Konvokesyen) melalui salah satu kaedah berikut:

Saluran Bayaran	Panduan
a. JomPAY	Melalui perbankan internet dari semua bank yang mempunyai kemudahan JomPAY seperti langkah berikut; 1. Pilih modul JomPAY 2. Taipkan Biller Code: 84442 3. Pilih akaun pembayar samada akaun saving atau akaun kad kredit anda 4. Ref 1: (No. Matrik pelajar) 5. Ref 2: (No. Kad Pengenalan/Pasport pelajar) 6. Masukkan jumlah bayaran RM200.00 dan sahkan bayaran. 7. Sila input no rujukan transaksi yang Berjaya ke dalam system e-SMP (My Konvokesyen) sabagai bukti bayaran (Contoh: UPM2024K) (8 digit)
b. CIMB Clicks (melalui applikasi CIMB atau laman web)	Bagi pemegang akaun CIMB (samada pelajar/ahli keluarga) yang membuat bayaran melalui perbankan internet dari CIMB Bank seperti langkah berikut; 1. Layari https://www.cimbclicks.com.my/ 2. Pilih modul Pay Bills 3. Taipkan Biller Name: UPM (Pilih "Universiti Putra Malaysia (Kampus Bintulu) 4. Masukkan no matrik pelajar, No Kad Pengenalan 5. Pilih akaun pembayar samada akaun saving atau akaun kad kredit anda 6. Masukkan jumlah bayaran RM200.00 dan sahkan bayaran.

	7. Sila input no rujukan transaksi yang Berjaya ke dalam system e-SMP (My Konvokesyen) sabagai bukti bayaran (Contoh: UPM2024K) (8 digit)
PERINGATAN: Cara pembayaran selain di atas adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u> dan dianggap tiada bayaran telah dibuat. Pengesahan bayaran hanya boleh dilakukan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh bayaran (setelah mendapat pengesahan dari pihak bank). Graduan yang tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen boleh menjelaskan bayaran pada bila-bila masa menggunakan kaedah di atas. Skrol/Transkrip Graduan hanya akan dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan setelah segala yuran tertunggak dijelaskan (yuran graduan, yuran pengajian, denda perpustakaan & saman lalu lintas dll.) jika ada.	

5. Kajian Pengesanan Graduan dan OES Dalam Talian (WAJIB DIISI)

Sila lengkapkan **Dua(2) kajian secara dalam talian** seperti panduan di bawah:

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN 2024

Graduan dikehendaki melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan 2024** secara 'Online' bermula **21 Oktober 2024 (Isnin)** melalui pautan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) seperti berikut:

SKPG: <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG24/>


Nota:

*Sila cetak **Slip Pengesahan** di laman terakhir borang kajian dan bawa bersama semasa minggu pengambilan jubah akademik untuk disemak dan disahkan oleh CEM di kaunter semakan. **Jubah akademik tidak akan diberikan sekiranya graduan gagal mengemukakan slip pengesahan.***

Kepada graduan yang **TIDAK BEKERJA**, sila isi borang manual yang boleh didapati di laman web CEM : www.cem.upm.edu.my dan borang yang sudah siap diisi sila bawa semasa minggu pengambilan jubah.

***Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak CEM di talian 03-9769 1020/1409**

ONLINE EXIT SURVEY (OES)



UPMID

KATALALUAN


Log Masuk

Graduan dikehendaki melengkapkan *Online Exit Survey (OES)* bermula **1 Oktober 2024 (Selasa)** melalui sistem berikut:

Online Exit Survey (OES)
laman web www.oes.upm.edu.my

Nota:

Sila ambil perhatian bahawa, graduan dikehendaki mengemukakan **bukti paparan skrin *Online Exit Survey (OES)* (seperti rajah di bawah) sebagai pengesahan melengkapkan survei** semasa pengambilan jubah akademik. *Jubah akademik tidak akan diberikan sekiranya graduan gagal mengemukakan bukti paparan skrin tersebut.*



Contoh Bukti Paparan Skrin

*Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe_Lead) di talian 03-9769 7160 / 1466 atau melalui emel: cadelead-oes@upm.edu.my.

6. Pinjaman dan Pemulangan Jubah Akademik

6.1 Proses Pinjaman

Graduan hendaklah:

- menjelaskan yuran graduan** berdasarkan kaedah pembayaran yang dihuraikan seperti di item 4.2 di atas.
- melengkapkan borang pinjaman jubah akademik** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik) bermula **1 Oktober 2024 (Selasa)**;
- menginput maklumat pembayaran** (Menu: 'Mykonvokesyen'). Graduan siswazah boleh menggunakan nombor K.P./pasport dan nombor matrik bagi katalaluan dan id untuk mengakses;

- d) **mencetak borang pakaian/jubah akademik** yang telah berjaya untuk dibawa semasa pengambilan jubah akademik di Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat 4, Bangunan Pentadbiran pada tarikh yang ditetapkan (Menu: My Konvokesyen - Semak Permohonan);
- e) menyediakan surat wakil sekiranya graduan ingin mewakilkan individu lain untuk mengambil jubah akademik (**seorang wakil terhadap kepada 2 transaksi sahaja** - pastikan wakil membawa bersama cetakan borang pakaian akademik, dan salinan MyKad/Pasport individu yang hadir – Contoh Surat Wakil seperti di **LAMPIRAN 1**;
- f) memastikan saiz dan keadaan jubah yang dipinjam dalam keadaan baik, lengkap dan mengikut warna yang ditetapkan sebelum beredar:

Ijazah Bacelor/Lanjutan	Diploma*
1. Jubah (warna maroon)	1. Jubah (warna maroon)
2. Hud (mengikut warna rasmi fakulti)	2. Topi Mortarbod
3. Topi Mortabod (Bacelor/Master)	3. <i>*tanpa hud</i>
4. Bonet (PhD)	

- g) Graduan **TIDAK DIBENARKAN MENGUBAH SUAI** mana-mana bahagian jubah akademik yang dipinjam. Tindakan bayaran penuh harga jubah akan dikenakan.

6.2 Urusan pinjaman jubah akademik dilaksanakan sebagaimana berikut :

	Tarikh	Waktu Peminjaman (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Peminjaman (Petang)
Tempat Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat. 4, Bangunan Pentadbiran, UPMKB	29 Oktober 2024 (Selasa)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang
	30 Oktober 2024 (Rabu)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang
	31 Oktober 2024 (Khamis)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang
	01 November 2024 (Jumaat)	9.00 pagi - 11.30 pagi	11.30 pagi – 2.15 petang	2.15 – 5.00 petang
	02 November 2024 (Sabtu)			2.30 – 4.30 petang

Nota :

*Tempahan pinjaman perlu dibuat melalui sistem **e-SMP** (menu **MyKonvokesyen** pada tab **MyTemujanji** dan **Borang Pakaian Akademik**)*

Bagi kes-kes keperluan Khas, sila hubungi urusetia/admin dalam Whatsapp Group konvokesyen bagi bantuan lanjut untuk tarikh yang diluar dari jadual ditetapkan.

7. Pemulangan Jubah Akademik

7.1 Semua graduan perlu memulangkan jubah akademik seperti berikut :

	Tarikh	Waktu Pemulangan (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Pemulangan (Petang)
Tempat Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat. 4, Bangunan Pentadbiran, UPMKB	02 November 2024 (Sabtu)			2.30 – 4.30 petang
	03 November 2024 (Ahad)			2.30 – 4.30 petang
	04 November 2024 (Isnin)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang
	05 November 2024 (Selasa)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang
	06 November 2024 (Rabu)	9.00 pagi - 12.30 Tghari	12.30 Tghari - 2.00 Petang	2.00 – 5.00 petang

PERHATIAN!

Mulai **07 November 2024 (Khamis)**, **DENDA AKAN DIKENAKAN** kepada graduan yang lewat memulangkan jubah akademik. Tindakan akan dikenakan kepada graduan yang gagal memulangkan jubah akademik pada waktu yang ditetapkan;

- DENDA LEWAT** hari pertama **RM10.00**, seterusnya ditambah **RM5.00** setiap hari berikutnya;
- bayaran denda** dan seterusnya hendaklah dibuat **di Bahagian Kewangan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak** dan resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa memulangkan jubah akademik;
- wakil yang memulangkan jubah akademik** hendaklah memastikan telah mendapatkan pengesahan pemulangan sebelum meninggalkan kaunter.

7.2 Graduan hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan jubah akademik.

7.3 Sekiranya jubah akademik tersebut rosak atau hilang, bayaran akan dikenakan dan sijil akademik/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan seperti berikut:

Program	Bayaran (RM)				Jumlah
	Jubah	Hood	Mortar Board	Bonnet	
Ijazah Bachelior	280.00	35.00	50.00	-	365.00
Diploma	150.00	-	50.00	-	200.00
Master	400.00	35.00	50.00	-	485.00
Ph.D	750.00	35.00	-	75.00	860.00

8. Etika Pakaian

- 8.1 Graduan adalah **DIWAJIBKAN** mematuhi etika berpakaian semasa menghadiri Majlis Konvokesyen seperti perincian gambar di **Lampiran 3**.

Wanita	• Baju kurung moden/tradisional • Pakaian kebangsaan • Pakaian Rasmi/Formal • Skirt labuh dan blaus lengan panjang menutupi dada • Kasut berwarna hitam dan bertutup pada bahagian hadapan dan belakang <u>Nota:</u> • <i>Sling beg bersaiz kecil perlu disimpan di dalam jubah akademik;</i> • <i>Graduan mengandungi boleh memakai pakaian yang bersesuaian;</i> • <i>Sekiranya menggunakan sarung tangan, hendaklah dipakai pada kedua-dua belah tangan (graduan Islam)</i> TIDAK DIBENARKAN Memakai skirt pendek (atas paras lutut) dan kasut sukan/sandal/ terbuka di belakang/berwarna cerah atau putih.
Lelaki	• Kemeja lengan panjang berkolar dan berseluar <i>slack</i> berwarna gelap, bertali leher (atau tanpa tali leher) • <i>Lounge Suit</i> berwarna gelap • Baju Melayu hitam berbutang lima lengkap bersamping tanpa bengkung • Kasut formal berwarna hitam dan berstoking gelap • Potongan rambut yang kemas TIDAK DIBENARKAN Memakai kemeja-T, seluar jeans, pakaian seragam pasukan keselamatan/ penguatkuasaan dan kasut sukan/sandal/ berwarna cerah atau putih.

- 8.2 Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi Universiti. Graduan diingatkan supaya **mematuhi peraturan pakaian** seperti dinyatakan di atas.

Graduan yang TIDAK MEMATUHI peraturan pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor dan Diploma.

- 8.3 **Video tatacara pemakaian jubah** boleh diperolehi melalui laman web berikut ;
https://bit.ly/pemakaianJUBAH_UPM atau <https://www.youtube.com/watch?v=7PJ3C1otT0E>

9. Kad Jemputan

- 9.1 Kad jemputan dan arahan lain akan diedarkan pada graduan/wakil graduan semasa meminjam jubah akademik. **Setiap graduan akan diberikan satu (1) kad jemputan untuk dua (2) orang tetamu.** Pihak Universiti tidak bertanggungjawab atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.
- 9.2 Dua(2) nama tetamu hendaklah dilengkapkan pada keratan kad dan dibawa untuk diserahkan kepada penyambut tetamu sebelum masuk ke dewan. **Urusetia / Penyambut tetamu berhak untuk tidak membenarkan Dua (2) tetamu masuk ke dewan sekiranya tidak memenuhi etika pakaian atau faktor keselamatan majlis.**

Panduan Pakaian Ibu Bapa / Tetamu	
Lelaki	- Batik, pakaian formal/rasmi yang sesuai atau <i>Lounge Suit</i> - Kasut bertutup - Memakai songkok hitam (Semasa sesi yang dihadiri oleh DYMM Tuanku Canselor dan DYTU Tuanku Pro Canselor SAHAJA) <i>Nota: Seluar jeans/kemeja-t/selipar/kasut sukan/sandal TIDAK DIBENARKAN)</i>
Wanita	- Pakaian formal/rasmi/sopan, batik atau <i>Lounge Suit</i> - Kasut bertutup <i>Nota: Skirt/seluar pendek atas lutut/seluar jeans/kemeja-t/baju tanpa lengan/selipar/kasut sukan/sandal TIDAK DIBENARKAN)</i>
Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun TIDAK DIBENARKAN masuk dan tetamu TIDAK DIBENARKAN meninggalkan Dewan sehingga majlis selesai	

10. Taklimat Tatacara Majlis Konvokesyen

Semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk menonton video TATACARA MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN UPM melalui pautan: https://bit.ly/tatacarakonvoUPM_Bintulu atau https://www.youtube.com/watch?v=5652wnS_crw (Convocation Ceremony at Universiti Putra Malaysia Bintulu Sarawak Campus : Guide for Graduands)

11. Lokasi Parkir dan Drof-Off

Semua graduan yang hadir atau ibu bapa/penjaga yang menurunkan graduan hendaklah terus ke **Parkir Pusat Islam.**

Laluan lalu lintas ke parkir Pusat Islam dan juga info lokasi majlis di Dewan Sri Kenyalang dan Bangunan Pentadbiran (lokasi pengambilan Jubah Akademik) adalah seperti di **Lampiran 4.**

12. Perarakan Graduan

- 12.1 Graduan hendaklah berkumpul di tempat khemah graduan di Dewan Sri Kenyalang seperti berikut:

Sesi 1 dan 2 : Berkumpul - 7.30 pagi
Perarakan - 8.30 pagi

- 12.2 Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, graduan diminta mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai bertugas dan berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Elakkan membawa beg tangan atau barang berharga semasa berkumpul untuk sesi perarakan graduan.

- 12.3 Graduan yang lewat **TIDAK DIBENARKAN MASUK** bagi menyertai Majlis Konvokesyen (perlu berkumpul selewat-lewatnya jam 8.00 pagi).
- 12.4 **Graduan kelainan upaya** (OKU)/mempunyai masalah lain yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan lebih awal sebelum sesi konvokesyen kepada :
- Urusetia Konvokesyen UPM Sarawak : (6086)-855684, 855656, 855263
Whatsapp : 013-8343938
- 12.5 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai petugas semasa majlis berlangsung dan **TIDAK DIBENARKAN meninggalkan Dewan sehingga majlis selesai.**

13. Selepas Majlis Konvokesyen: Pengambilan Sijil Akademik dan Transkrip Ijazah Lanjutan, Bachelar dan Diploma

- 13.1 **Sijil akademik/transkrip graduan boleh diambil** sebaik sahaja pemulangan Jubah Akademik dibuat mengikut program pengajian seperti berikut:

Program	Tempat
Ijazah Lanjutan (PhD dan Master)	Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat. 4, Bangunan Pentadbiran, UPM Sarawak
Bachelor dan Diploma Sepenuh Masa	

- 13.2 Graduan **boleh mewakili individu lain** untuk mengambil sijil akademik/transkrip dengan mengemukakan surat wakil yang disediakan oleh graduan sendiri kepada Ketua Pentadbir, Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, UPM Sarawak dengan nama, nombor kad pengenalan dan lampiran salinan kad pengenalan wakil.

14. Gambar Rasmi Graduan Majlis Konvokesyen

- 14.1 Urusan gambar graduan akan diuruskan oleh jurugambar rasmi yang dilantik. Graduan tidak dibenarkan sama sekali untuk mengambil gambar atau mendapat khidmat daripada pihak luar untuk mengambil gambar di dalam dewan ketika sesi konvokesyen berlangsung.
- 14.2 Kaunter tempahan gambar graduan akan dibuka semasa tarikh pengambilan jubah akademik oleh pihak jurugambar rasmi yang dilantik.

Jurugambar rasmi Majlis Konvokesyen UPM menyediakan *platform telegram dan whatsapp* untuk tempahan gambar studio dan pentas serta bagi mendapatkan panduan gambar semasa menerima sijil di atas pentas seperti berikut:

Link Telegram : <https://t.me/+IvIcOaEPcX8yY2FI>

Link Whatsapp : [Link Whatsapp : https://tinyurl.com/upmbintulu](https://tinyurl.com/upmbintulu)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Rich Moment Photo Sdn Bhd:

Perkhidmatan Pelanggan: 010-2437491/ 011-18842485

E-mel: richmoment.konvoupm@gmail.com

Laman Web: www.richmoment.my

15. Buku Konvokesyen UPM

- 15.1 **Buku Konvokesyen UPM** disediakan dalam bentuk digital (e-Buku) dan boleh diakses melalui <http://konvo.upm.edu.my/> mulai **02 November 2024** atau melalui imbas kod QR yang akan diberikan semasa majlis berlangsung.
- 15.2 Kerjasama para graduan mematuhi atur cara dan maklumat konvokesyen ini adalah amat diharapkan bagi memastikan Majlis Konvokesyen UPM Ke-48 berjalan lancar.

16. Pertanyaan dan Pegawai Dihubungi

Graduan boleh menghubungi nombor berikut untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut:

a) Prasiswazah:

Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, UPM Sarawak
(6086)-855684, 855656, 855263
Whatsapp : 013-8343938

Bahagian Urus Tadbir Akademik, UPM Serdang:
03-97696026/03-97691464/03-97696060/97693258

b) Siswazah:

Sekolah Pengajian Siswazah:
(03-97694211/4220/4162/4153/4245

c) Urus Setia Majlis Konvokesyen UPMKB

Bahagian Urus Tadbir Akademik
Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang, Selangor
03-97696060/1464/6026

Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, UPM Sarawak
(6086)-855684, 855656, 855263
Whatsapp : 013-8343938

17. Senarai Lampiran

LAMPIRAN 1	Contoh Surat Wakil / Kebenaran
LAMPIRAN 2	Pemakaian Jubah Akademik
LAMPIRAN 3	Etika Pakaian Graduan
LAMPIRAN 4	Peta Laluan Kenderaan Ibu Bapa Graduan ke Pakir Pusat Islam
LAMPIRAN 5	Peta Laluan Tempat Berkumpul ke Khemah Graduan
LAMPIRAN 6	Tarikh-Tarikh Penting
LAMPIRAN 7	Senarai Semak Graduan

CONTOH SURAT WAKIL/KEBENARAN

Tarikh :

Ketua Pentadbir
Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan
Universiti Putra Malaysia Sarawak
Jln Nyabau
97008 Bintulu, Sarawak

Tuan,

**SURAT KEBENARAN WAKIL UNTUK * MENGAMBIL / MEMULANGKAN PAKAIAN AKADEMIK/
TUNTUTAN SIJIL DAN TRANSKRIP (POTONG YANG TIDAK BERKENAAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Saya bernombor kad pengenalan
merupakan graduan Universiti Putra Malaysia bagi program
bernombor matrik

3. Sehubungan itu, saya mewakili penama di bawah untuk mengambil/pulang pakaian akademik/tuntutan sijil dan transkrip bagi pihak saya;

Nama wakil : _____

No. KP : _____

Alamat : _____

No. Tel : _____

Hubungan : _____

4. Saya mengaku akan bertanggungjawab sepenuhnya di atas tindakan memberi kebenaran ini dan sedia maklum pihak UPM akan mengenakan denda sekiranya pakaian akademik/sijil & transkrip berkenaan rosak/hilang.

5. Bersama ini disertakan salinan * **Borang tempahan pakaian akademik, Borang Kajian Pengesanan Graduan KPT 2024, bukti paparan skrin Online Exit Survey (OES), dan salinan MyKad saya serta wakil bagi tujuan pengambilan pakaian jubah akademik /menuntut sijil dan transkrip/ Slip pemulangan jubah dan salinan MyKad saya serta wakil** (potong yang tidak berkenaan) untuk pertimbangan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama:

No. Tel. Bimbit:

PAKAIAN JUBAH AKADEMIK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



Graduan perlu menonton video tatacara pemakaian jubah akademik di
<https://www.youtube.com/watch?v=uMy0vnFipxA>
 dan ikuti langkah pemakaian yang betul seperti didalam video.

Pastikan **warna HOOD** (bagi program Bacelor sahaja) yang diterima adalah mengikut warna yang ditetapkan fakulti dan letakkan **tali tesel disebelah kanan** (bahu kanan)


CONTOH ETIKA PAKAIAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN
(SEBELUM MEMAKAI JUBAH AKADEMIK)

WANITA	LELAKI
	
	
	
KASUT WANITA	KASUT LELAKI
	
	

**LALUAN KENDERAAN IBU BAPA GRADUAN KE PARKIR
PUSAT ISLAM, UPMKB**



Peta Laluan Tempat Berkumpul di Khemah Graduan



**TARIKH-TARIKH PENTING PELAKSANAAN MAJLIS
KONVOKESYEN UPM KE-48 TAHUN 2024 (SIDANG 1)**

PERKARA	TARIKH	CATATAN
BORANG KAJIAN PENGESANAN GRADUAN KPT 2024	Bermula 21 Oktober 2024 (Isnin)	Layari https://graduan.mohe.gov.my/SKPG24/ untuk melengkapkan kajian
TINJAUAN <i>ONLINE EXIT SURVEY</i> (OES)	Bermula 1 Oktober 2024 (Selasa)	Layari www.oes.upm.edu.my untuk melengkapkan kajian (Prasiswazah Sepenuh Masa sahaja)
MELENGKAPKAN BORANG PINJAMAN JUBAH AKADEMIK MELALUI SMP	Bermula 1 Oktober 2024 (Selasa)	Layari portal pelajar dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik)
PENGAMBILAN JUBAH AKADEMIK	29 Oktober – 02 November 2024 (Selasa - Sabtu)	Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat 4, Bangunan Pentadbiran, UPM Sarawak (9.00 pagi – 12.30 tghari dan 2:00 – 5.00 petang) /Jumaat (9.00 pagi – 11.30 pagi dan 2:15 – 5.00 petang / Sabtu (2:30 – 4.0 petang)
PERMOHONAN BANTUAN KEPERLUAN KHAS/OKU	Sebelum 01 November 2024 (Jumaat)	Sila hubungi Urusetia Konvokesyen UPM Sarawak : (6086)-855684, 855656, 855263 Whatsapp : 013-8343938
MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE- 48 (SIDANG 1)	02 - 03 November 2024 (Sabtu - Ahad)	Dewan Sri Kenyalang, UPM Sarawak <i>*Graduan perlu hadir dan berkumpul pada jam 7:30 pagi</i>
TARIKH PEMULANGAN JUBAH AKADEMIK	02 – 06 November 2024 (Sabtu - Rabu)	Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan, Tingkat 4, Bangunan Pentadbiran, UPM Sarawak (9.00 pagi – 12.30 tghari dan 2:00 – 5.00 petang) /Jumaat (9.00 pagi – 11.30 pagi dan 2:15 – 5.00 petang / Sabtu & Ahad (2:30 – 4.0 petang)
DENDA LEWAT PEMULANGAN JUBAH	Bermula 07 November 2024	Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran, UPM Sarawak (8:30 pagi – 12:30 tghari dan 2:00 – 3:45 petang)

**SENARAI SEMAK GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-48, SIDANG 1
UPM SARAWAK**

SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN

1.	()	(i) Terima, baca dan memahami Keterangan Mengenai Majlis Konvokesyen UPM Kali Ke-48 (Sidang 1) .
	()	(ii) Sertai Whatsapp Rasmi https://bit.ly/konvo48UPMSarawak untuk info mengenai Majlis Konvokesyen UPM Kali Ke-48 (Sidang 1).
2.	()	<u>Yuran/Denda Tertunggak</u> Selesaikan yuran/denda tertunggak selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum mengambil jubah akademik.
3.	()	<u>Yuran Graduasi</u> Bayar yuran graduasi mengikut cara bayaran yang diterangkan sebelum mengambil jubah akademik.
4.	()	<u>Tempahan Slot & Pakaian Akademik Melalui e-SMP</u> Lengkapkan borang pinjaman jubah akademik (cetak) dan hadir mengambil Pakaian Akademik. Cetak dan bawa bersama pengesahan bayaran semasa mengambil Pakaian Akademik.
5.	()	<u>Keperluan Khas / OKU</u> Hubungi urusetia di talian (6086)-855684, 855656, 855263 Whatsapp : 013-8343938
6.	()	<u>Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen</u> Tonton video Tatacara Menghadiri Majlis Konvokesyen UPM pada pautan https://bit.ly/tatacarakonvoUPM_Bintulu

SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

7.	()	Tiba awal (selewat-lewatnya jam 7:30 pagi) di tempat berkumpul bersebelahan Dewan Sri Kenyalang dengan memakai set lengkap pakaian akademik: - Jubah Akademik berserta hood (kecuali diploma) dan mortar/bonnet; - Kad Sebutan Nama
----	-----	---

SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN

8.	()	<u>Pemulangan Jubah akademik</u> Pemulangan jubah akademik hendaklah dibuat seberapa segera bagi mengelakkan denda. Denda lewat pemulangan jubah akademik akan dikenakan mulai 07 November 2024 mengikut kadar yang ditetapkan. Di kaunter Pemulangan: - Pulangkan Pakaian Akademik dan dapatkan Slip Pengesahan. Di kaunter Sijil: - Lengkapkan borang maklum balas Majlis Konvokesyen UPM Kali Ke-48 (Sidang 1). - Berikan Slip Pengesahan bagi membolehkan Sijil dan Transkrip diambil.
----	-----	---